



KEMAS

# KERATAN AKHBAR

Pembukaan secara berperingkat serentak dengan taska lain di bawah Kemaskini

## Taska Genius Perpaduan dibuka

Oleh AMREE AHMAD  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Operasi Taska Genius Perpaduan bagi 2021 akan dibuka secara berperingkat mengikut Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan.

Menteri Perpaduan Negara,

Datuk Halimah Mohamed Sadique berkata, tarikh pembukaan itu juga adalah serentak dengan tarikh pembukaan taska di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di negeri dan daerah masing-masing.

“Bagi Taska Genius Perpaduan di Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu bermula semalam manakala Perlis, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Pahang,

Sabah, Sarawak dan Daerah Jempol, Negeri Sembilan bermula hari ini,” katanya dalam kenyataan semalam.

Bagi Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Daerah Seremban, Negeri Sembilan, taska berkenaan hanya akan bermula pada 15 Januari.

Bagaimanapun, untuk Wilayah Persekutuan Labuan, ia bermula 11 Januari ini dan setiap guru perlu jalani ujian saringan Covid-19 sebelum dibenar ma-

suk ke taska terlibat seperti diajukan Kementerian Kesihatan.

Halimah berharap, pembukaan taska tersebut akan dapat membantu ibu bapa yang telah memulakan waktu kerja secara normal dan memerlukan pengjagaan anak-anak semasa mereka berada di tempat kerja.

Tambah beliau, kementeriannya akan memastikan semua Taska Genius Perpaduan mematuhi Garis Panduan Pencegahan Penularan Covid-19 Pasca Perin-

tah Kawalan Pergerakan.

“Ia bagi memastikan keselamatan setiap warga taska selain mengikut arahan semasa yang dikeluarkan oleh MKN dan Kementerian Kesihatan dalam menjalankan operasi,” kata beliau.

Pada tahun lalu, terdapat 1,781 buah Tabika Perpaduan dengan jumlah murid 37,855 orang dan 41 Taska Genius Perpaduan dengan murid seramai 972 orang di seluruh negara.

## KETERANGAN AKHBAR

**Utusan**  
Penyebar fikiran rakyat  
MALAYSIA

KERATAN BERTARIKH: 4 JANUARI 2021

HARI :

ISNIN

RUANGAN:

DALAM NEGERI

HALAMAN:

12